



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERUBAHAN DASAR BAHASA SEJAK MERDEKA HINGGA SEKARANG

ZALINA BT HASHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN
BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Dasar	1
1.3 Kepentingan Kajian Dasar	2
1.4 Bahasa Melayu Dalam Dasar Bahasa	2
1.5 Keadaan Sosio-Politik Tanah Melayu	4
1.6 Bahasa Kebangsaan	5
BAB 2 METODOLOGI	9
2.1 Kaedah Kajian	9
2.2 Objektif Kajian	10
2.3 Batasan Kajian	11
2.4 Fokus Kajian	11
2.5 Tinjauan Literatur	12
2.6 Kajian Tentang Dasar Bahasa di Malaysia	12
BAB 3 DASAR BAHASA SEBELUM MERDEKA	19
3.1 Pengenalan	19



3.2	Laporan Cheeseman 1946	23
3.3	Cadangan	24
3.4	Pelaksanaan	25
3.5	Laporan Barnes 1950	26
3.6	Bidang Tugas	27
3.7	Cadangan	28
3.8	Pelaksanaan	30
3.9	Perbincangan	30
3.10	Laporan Fenn-Wu 1951	31
3.11	Bidang Tugas	32
3.12	Cadangan	32
3.13	Pelaksanaan	33
3.14	Perbincangan	33
3.15	Ordinan Pelajaran 1952	35
3.16	Hasil Laporan	36
3.17	Pelaksanaan	36
3.18	Tentangan	36
3.19	Penyata Razak 1956	38
3.20	Bidang Tugas	39
3.21	Cadangan	39
3.22	Pelaksanaan	40
3.23	Perbincangan	41
BAB 4	DASAR BAHASA SELEPAS BERKERAJAAN SENDIRI	43





4.1	Pengenalan	43
4.2	Laporan Rahman Talib 1960	44
4.3	Bidang Tugas	44
4.4	Cadangan	45
4.5	Pelaksanaan	46
4.6	Perbincangan	48
4.7	Kesimpulan	50
4.8	Zaman Peralihan	50
4.9	Akta Bahasa Kebangsaan 1967	52
4.10	Peristiwa 13 Mei 1969	53
4.11	Dasar Pendidikan Kebangsaan	55
4.12	Pelaksanaan	56



BAB 5	DASAR DAN PELAKSANAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PENGANTAR	59
5.1	Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979	59
5.2	Bidang Tugas	60
5.3	Cadangan	60
5.4	Pelaksanaan	61
5.5	Perbincangan	62
5.6	Akta Pendidikan 1996	63
5.7	Ketetapan	63
BAB 6	DASAR DAN PELAKSANAAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA PENGANTAR	65





6.1	Pengenalan	65
6.2	Langkah-langkah dan Pelaksanaan	66
6.3	Akta-akta	67
6.4	Kesan	68
6.5	Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) 2003	69
6.6	Reaksi	69
6.7	Bantahan Masyarakat Cina	70
6.8	Kesan ke atas Perkembangan Bahasa Melayu	71
BAB 7	KESIMPULAN	73
7.1	Laporan Cheeseman 1946	75
7.2	Laporan Barnes 1950	75
7.3	Laporan Fenn-Wu 1951	76
7.4	Ordinan Pelajaran 1952	77
7.5	Penyata Razak 1956	77
7.6	Laporan Rahman Talib 1960	79
7.7	Peristiwa 13 Mei 1969	80
7.8	Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979	80
7.9	Perubahan Dasar Bahasa	81
7.10	Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris	81
7.11	Penetapan Dasar Bahasa	82
7.12	Penghakisan Nilai dan Budaya	83





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RUJUKAN

85

LAMPIRAN 1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 28.04.2004

Tandatangan:

Nama : ZALINA BT HASHIM
No. Matrik : 2002-00493



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan izinNya, saya berjaya menyempurnakan penulisan kertas projek yang bertajuk, **Perubahan Dasar Bahasa Sejak Merdeka Hingga Sekarang** bagi memenuhi sebahagian syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Prof. Dr. Abdullah Hassan selaku penyelia kursus yang telah membimbing saya dalam penulisan kertas projek ini dengan penuh ketekunan dan kesabaran. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan, kertas projek ini tidak akan terhasil dengan sempurnanya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah bahasa Melayu di Fakulti Bahasa yang banyak mencurahkan ilmu yang bermanfaat sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada pustakawan-pustakawan di Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan pegawai-pegawai di Arkib Negara di atas khidmat yang diberikan dalam penyempurnaan kertas projek ini.

Paling utama untuk ibu, keluarga dan rakan-rakan, terima kasih kerana memahami. Akhir kata, sekalung doa untuk semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kertas projek ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Setiap detik pengorbanan dan jasa baik akan ku kenang selamanya.

ZALINA BT HASHIM
2002-00493
Program M. Ed. (Bahasa Melayu)
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iv

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan bagi menganalisis perubahan dasar bahasa di Malaysia sejak merdeka hingga sekarang (2003). Kajian ini mengandungi permasalahan pembentukan satu dasar bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan negara. Perbincangan seterusnya adalah mengenai pelaksanaan laporan pelajaran,kekangan serta penentangan yang diterimanya. Perbincangan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu: (1) dasar bahasa sebelum merdeka, (2) dasar bahasa selepas berkerajaan sendiri, (3) dasar dan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, dan (4) dasar dan pelaksanaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Objektif kajian ini adalah bagi melihat kesan perubahan dasar bahasa ke atas perkembangan dan kedudukan bahasa Melayu. Ia juga bagi meninjau keperluan perubahan dasar bahasa selaras dengan perkembangan negara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

ABSTRACT

This is an analysis of changes in Malaysia's language education policy since independence (1957) till the present (2003). It focuses on the issues encountered in setting up such policies within the national education system. The analysis went further to discourse the implementation of such policies, the objections and constraints faced thereby. The discussion is divided into four parts: (1) the policy before independence, (2) the policy after self-government, (3) the implementation of Malay as a language of instruction and (4) the return to English to teach Science and Mathematics. The study looks into such changes in the policy due to the changing need in nation building.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini mengenai perubahan dasar bahasa yang berlaku di Malaysia sejak merdeka hingga tahun 2003. Dalam tempoh tersebut, beberapa perubahan dasar bahasa dibuat.

Perubahan ini melibatkan bahasa Melayu, bahasa Inggeris serta bahasa Cina dan Tamil.

1.2 Definisi Dasar

Menurut Pressman dan Wildavsky (1973: xiv-xv), “dasar bermakna satu kenyataan yang bertujuan” dan pelaksanaan ialah satu proses ke arah merealisasikan pencapaian matlamat dan objektif yang dinyatakan. Manakala dasar dan pelaksanaan adalah saling melengkapi dan saling berkaitan, ia mengambil dua proses yang berlainan bagi direalisasikan. Sama ada dinyatakan secara eksplisit atau tidak, dasar-dasar menunjukkan satu rantaian sebab





di antara keadaan asal dan kesan-kesan masa depan. Oleh itu boleh dikatakan bahawa semua dasar tidak dapat dijadikan kenyataan dan diterjemahkan sebagai tindakan melainkan apabila dilaksanakan.

1.3 Kepentingan Kajian Dasar

Kajian terhadap sesuatu dasar penting kerana ia membawa kemajuan dan perubahan kepada masyarakat. Sesuatu dasar yang digubal dan dilaksanakan mempunyai kesan positif dan negatif. Pentingnya sesuatu dasar itu dikaji adalah untuk memperbaiki sebarang kelemahan yang wujud akibat pelaksanaan dasar tersebut. Namun, perlu disedari proses pelaksanaan sesuatu dasar tidak selalu berjalan lancar dan segera. Terdapat berbagai kerumitan di antara masa dasar dibentuk hingga ke masa dasar itu dilaksanakan.



1.4 Bahasa Melayu Dalam Dasar Bahasa

Dasar bahasa di Malaysia meletakkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Perkara ini terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152.

“Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukan dengan undang-undang oleh Parlimen” (Perlembagaan Persekutuan Perkara 152, Para 1).





Peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan itulah yang menjadi dasar bagi perkembangan bahasa Melayu di Malaysia. Tafsiran golongan tertentu, iaitu kaum bukan Melayu mengenai beberapa perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan turut mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu di negara ini.

Menurut Awang Sariyan (1996: 187), dasar bahasa di negara kita bermula dengan gagasan bagi membentuk satu rupa bangsa yang bersatu, memupuk ciri-ciri pengenalan rakyat yang seragam, dan untuk menobatkan bahasa Melayu sebagai sarana komunikasi yang berkesan dalam sektor-sektor penting negara. Tiga fungsi penting yang dapat diberikan kepada bahasa Melayu di samping kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa ilmu ialah:

- a. bahasa Melayu menjadi bahasa pemersatu kaum-kaum di negara ini
- b. bahasa Melayu menjadi identiti rakyat Malaysia
- c. bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa komunikasi yang penting dalam sektor-sektor utama negara.

Ketiga-tiga taraf dan fungsi tersebut penting sebagai asas pembinaan sebuah negara baru. Konsep bahasa kebangsaan berkait rapat dengan cita-cita membentuk satu bangsa yang memiliki identiti yang sama. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dapat menjadi salah satu identiti bangsa yang dimaksudkan itu. Bahkan jauh lebih penting peranan bahasa Melayu dalam membina pemikiran dan sikap rakyat Malaysia.





1.5 Keadaan Sosio-Politik Tanah Melayu

Di Malaysia, isu pendidikan dipengaruhi oleh aspek politik dan etnik, yang ditanggung oleh pemimpin parti yang takut bahawa kerajaan campuran yang mereka dokongi akan runtuh. Bagi menjamin kekalnya perpaduan politik, dasar pelajaran telah dijadikan sebagai alat dalam proses kompromi antara kaum di negara ini. Oleh itu walaupun setelah sesuatu dasar dibentuk dan undang-undang yang perlu, dibuat, ia masih memerlukan pengesahan dari pihak kerajaan bagi dilaksanakan.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, tugas utama kerajaan ialah menyatukan penduduknya yang berbilang kaum dan bahasa. Salah satu cara bagi mencapai objektif ini adalah melalui sistem pendidikan dengan satu bahasa sebagai pemersatu. Oleh sebab itu selepas merdeka, semua masyarakat di Malaysia bersetuju bahawa Melayu menjadi bahasa kebangsaan tunggal bagi menjadi bahasa pengantar pendidikan dan pentadbiran. Ini akan dapat dicapai melalui dasar pendidikan kebangsaan. Jelas, sebarang perubahan dasar bahasa memberi kesan ke atas pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan amnya dan bahasa itu khasnya.

Tanah Melayu ialah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Masyarakat ini hidup berasingan, dengan bahasa, budaya dan kepercayaan yang berbeza. Menurut Furnivall (Awang Had Salleh 1980: 173), "Mereka bergaul tetapi tidak bersatu. Setiap kumpulan berpegang kepada agamanya, budayanya, bahasanya, idea-ideanya dan cara-cara hidupnya. Sebagai individu mereka bertemu, tetapi hanya di pasar, membeli dan menjual. Inilah masyarakat majmuk, di mana seksi-seksi yang berlainan dalam





masyarakat hidup sebelah menyebelah, tetapi berasingan, dalam unit politik yang sama. Dalam bidang ekonomi pula terdapat pembahagian pekerjaan atas garisan-garisan kaum. Golongan peribumi, Cina, India, Eropah semuanya mempunyai fungsi-fungsi yang berlainan ...”

Matlamat terpenting menjelang kemerdekaan adalah mencapai perpaduan di kalangan penduduk yang berbilang kaum ini. Usaha membentuk negara yang berbilang bangsa, agama, dan bahasa bermakna bahawa sistem politik, ekonomi, dan sosio-budaya mempunyai peranan masing-masing untuk mencapai matlamat kebangsaan yang sama. Justeru, alat terbaik untuk mewujudkan perpaduan kaum-kaum ini adalah melalui bahasa.



1.6 Bahasa Kebangsaan

Bahasa ialah satu isu yang selalu diperkatakan. Dua perkara yang sering dikaitkan dengan bahasa ialah, peranan bahasa minoriti sebagai bahasa pengantar (bagi mengekalkan budaya masing-masing), dan keperluan bagi menghilangkan, atau mempersatukan penduduk yang berbilang kaum (Abdullah Hassan 1993: 3). Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar dan bahasa intelektual sering dipersoalkan oleh kaum-kaum bukan Melayu dan orang-orang yang meragui kemampuan bahasa Melayu. Kesangsian ini bukan sahaja timbul sebelum dan awal kemerdekaan, tetapi berlanjutan sehingga ke hari ini.





Sememangnya bahasa selalu menjadi isu sensitif. Perbezaan bahasa antara kaum-kaum yang terdapat di Tanah Melayu menyumbang kepada masalah pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan di negara ini. Setiap kaum mahukan bahasanya dijadikan bahasa utama dalam negara dan seterusnya digunakan sebagai bahasa penyampai ilmu di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Dalam keadaan terdapat kepelbagaiannya bahasa di negara ini, adalah logik bahasa Melayu, yakni bahasa bumiputera dipilih sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia serta sebagai bahasa pemersatu semua kaum-kaum yang terdapat di negara ini.

Usaha bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi serta bahasa pengantar di sekolah-sekolah pada tahun-tahun sebelum kemerdekaan dan awal kemerdekaan sering mendapat bantahan daripada kaum bukan Melayu di negara ini. Anggapan mereka, jika bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah, bahasa dan budaya ibunda mereka akan terancam dan terus lenyap. Selain itu, mereka juga sering mempertikai kelayakan bahasa Melayu itu sendiri jika dibandingkan dengan bahasa Cina dan Inggeris.

Selepas Peristiwa 13 Mei 1969, Kerajaan Perikatan dengan tegas melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK). Semua pihak kecuali Parti Tindakan Demokratik (DAP), berpendapat bahawa peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan adalah mustahak. Sekolah-sekolah aliran Inggeris ditukar ke aliran kebangsaan dan bahasa Melayu dijadikan bahasa pentadbiran negara dan bahasa pengantar di universiti.





Tetapi pada awal tahun 1990-an, keadaan berubah. Setelah sekian lama bahasa Melayu dijulang sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu, bahasa itu sekali lagi disangsikan kemampuannya sebagai alat bagi memajukan negara. Dalam syarahannya ‘The Way Forward’ atau ‘Wawasan 2020’ pada bulan Februari 1991, Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya bahasa pengantar di peringkat universiti ditukar daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Cadangan beliau ini dilanjutkan lagi dengan penggubalan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) 2003.

Masalah berkaitan dasar bahasa ini dapat dilihat dalam tiga peringkat iaitu:

- i. Dalam tahun 1950-an, oleh kerana kuasa dan pengaruh masih terletak di tangan penjajah dan golongan yang belum bersedia menerima bahasa Melayu, bahasa Melayu terpaksa mengesahkan kewujudan dan peranannya dalam semua kegiatan hidup khasnya dalam kurikulum pendidikan.
- ii. Menjelang tahun 1980-an, bahasa Inggeris pula yang terpaksa mengesahkan kedudukan dan peranannya dalam masyarakat dan kurikulum pendidikan.
- iii. Tahun 1990-an hingga sekarang, bahasa Melayu sekali lagi terpaksa mempertahankan kewujudan, kedudukan dan peranannya dalam dasar pendidikan kebangsaan.

Setiap perubahan yang melibatkan dasar bahasa mestilah dibuat





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



8
ptbupsi

dengan berhati-hati. Perubahan ini bukan sahaja akan melibatkan perubahan dalam dasar pendidikan kebangsaan, malah akan memberi kesan yang mendalam ke atas sesuatu bahasa yang terlibat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi